



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA PEJABAT MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

SESI *TOWN HALL* YB MENTERI KESIHATAN BERSAMA PEGAWAI PERUBATAN

Kuala Lumpur, 22 Februari – Seramai kira-kira 350 orang doktor yang terdiri daripada pegawai perubatan kerajaan menghadiri Sesi *Town Hall* bersama YB Dr. Zaliha binti Mustafa, Menteri Kesihatan yang diadakan di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Putrajaya.

Sesi *Town Hall* yang dianjurkan bersama Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) ini bertujuan bagi mendapatkan pandangan, maklum balas dan cadangan daripada anggota perubatan berhubung pelbagai perkara.

Sesi ini hanya dihadiri oleh YB Menteri Kesihatan, YB Lukanisman bin Awang Sauni, Timbalan Menteri Kesihatan serta para pegawai dari pejabat masing-masing.

Pelbagai isu dibangkitkan dalam Sesi *Town Hall* pada hari ini antaranya adalah seperti berikut:

1. Isu doktor kontrak
2. Penambahbaikan fasiliti kesihatan awam
3. Kekurangan doktor di Jabatan Kecemasan
4. Penambahbaikan laluan kerjaya pegawai perubatan
5. Dan isu-isu teknikal lain

YB Dr. Zaliha sangat menghargai dan menghormati pandangan, maklum balas dan cadangan yang diberi sepanjang Sesi *Town Hall* yang diadakan selama lebih dua jam itu tadi. Dengan semua cadangan dan maklum balas yang diperolehi, beliau akan berusaha menangani isu-isu berkenaan sama ada dari segi polisi atau teknikal yang melibatkan KKM.

Beliau juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada para pegawai perubatan yang hadir dan memberi komitmen, tiada doktor yang akan dikenakan tindakan tatatertib kerana mengadiri sesi pada hari ini.

**PEJABAT MENTERI KESIHATAN MALAYSIA
22 FEBRUARI 2023**